



# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

DIKEMASKINI  
23 JULAI 2021

### PELAN PEMULIHAN NEGARA-FASA 2 (SARAWAK): GARIS PANDUAN BAGI RUMAH IBADAT

<b>AKTIVITI ADALAH TERTAKLUK KEPADA :</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Paderi/Sami/Penjaga telah melengkapkan vaksinasi ke-2, dua minggu sebelum pembukaan semula</li><li>Ahli yang belum divaksinasi tidak digalakkan hadir untuk beribadat</li><li>Saiz rumah ibadat dan penjarakan fizikal 1 meter</li><li>Pematuhan kepada Protokol Pencegahan &amp; Kawalan COVID-19 (Lampiran A)</li></ul>
---	---

NO.	AKTIVITI	FASA 2
1	<b>Pembukaan Rumah Ibadat</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Dari 6.00 pagi sehingga 8.00 malam</li><li>Kehadiran 50% atau maksimum 50 Orang <b>yang mana lebih rendah</b></li></ul>
2	<b>Pembukaan Pejabat Pentadbiran</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Dari 8.00 pagi sehingga 5.00 petang</li><li>50% dari jumlah keseluruhan kakitangan</li></ul>
3	<b>Perkahwinan Di Rumah Ibadat</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Kehadiran maksimum 25 Orang</li></ul>
4	<b>Mesyuarat Pentadbiran</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Kehadiran maksimum 12 Orang</li></ul>
5	<b>Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Seminar, Kursus, Aktiviti Kebudayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang tidak disenaraikan di dalam SOP ini</li></ul>



# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

DIKEMASKINI  
23 JULAI 2021

### LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19

BIL.	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
A)	<b>LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> Menampal makluman berkaitan dengan amalan norma baru kehidupan</li><li><input type="checkbox"/> Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa dan memastikan suhu badan tidak melebihi 37.5 darjah celcius, penggunaan <i>hand sanitiser</i> dan merekod kehadiran penganut menggunakan aplikasi MySejahtera ataupun buku kehadiran</li><li><input type="checkbox"/> Diwajibkan memakai pelitup muka dan kerap membersihkan tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i></li><li><input type="checkbox"/> Kerap melakukan proses pembersihan dan nyah kuman permukaan yang kerap disentuh</li></ul>
B)	<b>KAWALAN DAN PENGESANAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> Mereka yang didapati demam atau mempunyai gejala batuk, sakit tekak, selsema atau sesak nafas tidak dibenarkan masuk ke dalam rumah ibadat atau pejabat rumah ibadat</li><li><input type="checkbox"/> Warga emas dan individu yang mempunyai penyakit kronik adalah tidak digalakkan hadir ke rumah ibadat</li><li><input type="checkbox"/> Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah adalah tidak dibenarkan memasuki rumah ibadat</li><li><input type="checkbox"/> Memastikan penjarakan fizikal 1 meter dipatuhi</li><li><input type="checkbox"/> Memastikan pengedaran udara yang mencukupi</li><li><input type="checkbox"/> Kehadiran dicatat menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan di dalam buku kehadiran</li></ul>



# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

DIKEMASKINI  
23 JULAI 2021

### LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19

BIL.	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
C)	<b>AMALAN BAHARU &amp; TANGGUNGJAWAB PARA PENGANUT</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> Warga emas serta mereka yang menghidap penyakit kronik TIDAK DIGALAKKAN hadir</li><li><input type="checkbox"/> Kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan ke bawah adalah dilarang hadir ke rumah ibadat</li><li><input type="checkbox"/> Mereka yang bergejala atau mempunyai suhu melebihi 37.5 darjah celcius adalah dilarang memasuki rumah ibadat atau pejabat rumah ibadat</li><li><input type="checkbox"/> Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan dengan sabun dan air atau hand sanitizer</li><li><input type="checkbox"/> Mengelakkan aktiviti bersalaman dan bersentuhan</li><li><input type="checkbox"/> Segera bersurai selepas selesai aktiviti keagamaan tamat</li></ul>
D)	<b>TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH IBADAT</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> Membuka kaunter untuk mengambil suhu badan, pendaftaran kehadiran, pembersihan tangan dan pemeriksaan pemakaian pelitup muka</li><li><input type="checkbox"/> Membuka satu pintu masuk dan satu pintu keluar sahaja</li><li><input type="checkbox"/> Memastikan mereka yang bergejala atau mempunyai suhu melebihi 37.5 darjah celcius tidak memasuki rumah ibadat</li><li><input type="checkbox"/> Memastikan para hadirin mendaftarkan diri dengan aplikasi MySejahtera atau catatan di dalam buku kehadiran</li><li><input type="checkbox"/> Memastikan para hadirin sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan dengan sabun dan air atau hand sanitiser</li><li><input type="checkbox"/> Memastikan para penganut segera bersurai dan meninggalkan kawasan Rumah Ibadat selepas selesai upacara ibadat</li><li><input type="checkbox"/> Melantik sekurang-kurangnya seorang petugas (warden) untuk memantau pelaksanaan dan pematuhan SOP yang ditetapkan</li></ul>